



SIARAN AKHBAR

REGIONAL WORKSHOP FOR INTRODUCING PEATLAND ECOSYSTEMS AND SUSTAINABLE MANAGEMENT FOR SOUTHERN ASEAN MEMBER STATES

7 – 9 NOVEMBER 2023, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM

Bandar Seri Begawan

Hari Juma'at, 26 Rabiulakhir 1445 bersamaan 10 November 2023M

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama *Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) SUPA Component 1 (SUPA C1)* telah menganjurkan bengkel serantau bertajuk *Introducing Peatland Ecosystems and Sustainable Management for Southern ASEAN Member States* selama tiga (3) hari bermula hari Selasa, 07 November 2023 sehingga hari Khamis, 09 November 2023 bertempat di Hotel Centrepoint, Gadong, Bandar Seri Begawan.

Berucap semasa pembukaan bengkel tersebut, Yang Mulia Awang Haji Ryni Sofian bin Haji Othman, Pemangku Timbalan Pengarah Perhutanan, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Seramai 41 orang peserta telah menyertai bengkel ini yang mana dihadiri oleh agensi-agensi berkepentingan di dalam bidang pengurusan hutan paya gambut iaitu wakil-wakil daripada Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Sekretariat Perubahan Iklim Brunei Darussalam (*Brunei Climate Change Secretariat, BCCS*). Bengkel ini turut dihadiri oleh perwakilan daripada negara-negara di rantau selatan ASEAN termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Bengkel ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan kapasiti Negara-Negara Ahli ASEAN dalam pengurusan dan pemulihan tanah gambut secara mampan serta membincangkan inisiatif-inisiatif mitigasi isu-isu jerebu di rantau ini. Antara tajuk-tajuk utama yang dikongsikan semasa bengkel tersebut termasuk *Peatland Policy and Governance, Water Management in Peatland, Peatland and Climate Change*, dan *Promoting Inclusive and Sustainable Peatland Management*.

Selain sesi pembentangan dan perbincangan, para peserta juga di bawa ke kawasan hutan paya gambut, Jalan Badas, Daerah Belait, untuk melawat tapak projek pemulihan hutan Jabatan Perhutanan dan membuat aktiviti penanaman sebanyak 40 pohon anak pokok di dalam kawasan hutan paya gambut tersebut.

Maklumat lanjut mengenai Bengkel *Introducing Peatland Ecosystems and Sustainable Management for Southern ASEAN Member States* bolehlah diperolehi melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perhutanan di <https://www.forestry.gov.bn> dan media sosial instagram @forestry.brunei.

Disediakan oleh:

Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 25 Rabiulakhir 1445 bersamaan 08 November 2023M

